

## IFREMER jalin kerjasama dengan UMT *st 20/04/08 pg-T3*

**KUALA TERENGGANU** – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengorak langkah dalam bidang penerokaan apabila bakal menjalin kerjasama dengan Institut Kajian Eksplorasi Laut Perancis (IFREMER).

Kerjasama berkenaan merupakan usaha progresif sesuai dengan tema UMT ‘Terokaan seluas lautan’ apabila

universiti tersebut sebelum ini pernah menjalin hubungan dengan beberapa pihak lain dari dalam dan luar negara terutama dalam bidang penyelidikan.

Penolong Pendaftar Media dan Publisiti UMT, Suryati Salleh, berkata, kerjasama berkenaan bertujuan mewujudkan hubungan dalam bidang penerokaan mampan produk akuatik.

“Sehubungan itu, IFREMER akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan UMT pada hari ini bertempat di Auditorium Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE).

“Majlis MoU diwakili Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin UMT manakala SEAPRO, IFREMER diwakili Dr J P Berge,” katanya.